

## **Bakal Naib Presiden Boediono: Hubungan Indonesia dan Singapura stabil dan kukuh walau masih boleh diperbaiki**

Darwis Said

*Berita Harian, 29 July 2009*

Bakal Naib Presiden Indonesia, Profesor Dr Boediono, semalam menyuarakan harapannya untuk melihat ekonomi negara itu tumbuh purata 7 peratus setahun sepanjang lima tahun akan datang.

Matlamat itu adalah di samping beberapa harapan lain pentadbiran baru Presiden Susilo Bambang Yudhoyono kelak, iaitu mengurangkan kemiskinan, meningkatkan taraf pendidikan serta kadar kenal huruf dan membina asas kukuh bagi demokrasi di Indonesia, tegasnya.

Berucap dalam satu majlis ceramah awam anjuran **Institut Pengajian Antarabangsa Rajaratnam (RSIS)** Singapura, Dr Boediono berkata ekonomi Indonesia dijangka terus tumbuh positif pada kadar sekitar 4 peratus tahun ini.

Tetapi, ia lebih perlahan berbanding pertumbuhan 6.1 peratus yang dinikmati negara itu tahun lalu disebabkan kemelesetan ekonomi global.

'Keutamaan paling atas kami ialah membangunkan prasarana fizikal yang boleh menyepadukan keseluruhan ekonomi,' kata Dr Boediono dalam ceramah di Hotel Shangri-La itu.

Ini adalah di samping beberapa usaha pentadbiran Presiden Yudhoyono ke arah memperbaiki institusi dalam negeri dan mengukuhkan prasarana sosial negara itu - dengan mengeratkan lagi perpaduan sosial dan mewujudkan jaringan keselamatan sosial yang mencukupi, tambah beliau.

Malah, menurutnya pentadbiran Presiden Yudhoyono akan mengumumkan beberapa peluang pelaburan dalam tiga daerah utama itu sepanjang tempoh 100 hari pertama beliau sebagai presiden bermula Oktober.

Dr Boediono, 66 tahun, bekas gabenor Bank Indonesia (BI) dan mantan menteri kewangan pentadbiran mantan presiden Megawati Sukarnoputri, akan menjadi naib presiden Indonesia setelah gandingan Presiden Yudhoyono dan beliau memenangi pilihan raya presiden negara itu pada awal bulan ini.

Ketika diminta menjelaskan dalam taklimat akhbar menyusuli ceramah itu bagaimana pentadbiran mereka akan membiayai ekonomi Indonesia bagi mencapai sasaran pertumbuhan bagi lima tahun mendatang itu, Dr Boediono berkata ramalan kadar pertumbuhan itu didasarkan atas beberapa faktor.

'Satu, kami sedang menjangkakan pemulihan dalam perangkaan eksport dalam tempoh lima tahun itu.

'Kami akan menyokong permintaan dalam negeri dengan mempercepat peningkatan prasarana, yang akan dibiayai sebahagiannya melalui belanjawan negara dan pelaburan swasta.

'Kami akan juga meneruskan jaringan sosial, yang bermakna bahawa kami akan terus menyokong segmen golongan bergaji rendah dalam masyarakat kami melalui pelbagai program.

'Ia akan meningkatkan perangkaan penggunaan dalam negeri, sekurang-kurangnya bagi segmen tersebut,' kata Dr Boediono sambil menekankan bahawa beliau menjangkakan pelaburan swasta akan pulih dalam beberapa tahun ini.

Semasa diminta mengulas hubungan antara Indonesia dan Singapura, Dr Boediono berkata ia 'stabil dan kukuh' walaupun masih boleh diperbaiki dengan kerjasama dalam daerah-daerah yang lebih mudah dipersetujui bersama.

'Dalam bidang prasarana fizikal, jika Singapura mahu memainkan peranan, maka anda sangat dialu-alukan,' kata beliau, sambil memberi contoh beberapa pembangunan dalam bidang tenaga, jalan raya, landasan, pelabuhan serta bekalan air bersih dan di beberapa daerah di Batam, Bintan dan Karimun.

Mengenai Asean pula, Dr Boediono berkata Indonesia akan terus memainkan peranannya dalam usaha menyepadukan blok serantau itu.